



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PELAWAAN PERMOHONAN**  
**BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA)**  
**TAHUN 2023**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa warga negara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2023 bagi mengikuti pengajian di peringkat **Sarjana (Penyelidikan) atau Doktor Falsafah (Ph.D)** dalam bidang **Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang atau Kewangan Islam** di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia.

Pemohon boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://esilav2.jpa.gov.my> mulai **30 Januari 2023** sehingga **3 Mac 2023**. Borang permohonan yang telah dilengkapkan tersebut hendaklah dicetak, ditandatangani serta dikemukakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 10 Mac 2023** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
**(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**

Panduan lengkap permohonan beserta syarat-syarat adalah seperti di **Lampiran A**. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi talian **03 – 8885 3053 / 3571** atau e-mel kepada [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my) .

Jabatan Perkhidmatan Awam  
30 Januari 2023

**PANDUAN PERMOHONAN  
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2023**

**1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Pemohon yang berminat dikehendaki membaca dan memahami syarat-syarat permohonan BYDPA Tahun 2023 sebelum membuat permohonan. Setiap pemohon hanya dibenarkan menghantar **satu (1) permohonan sahaja**.

Permohonan yang memenuhi syarat serta melepasi saringan lanjut pihak JPA sahaja akan disenarai pendek untuk menghadiri temu duga. **Tiada sebarang rayuan** akan diproses sekiranya pemohon gagal untuk disenarai pendek menghadiri temu duga.

Syarat-syarat permohonan BYDPA Tahun 2023 adalah seperti berikut:

SYARAT-SYARAT UMUM

- (i) Warga Negara Malaysia; dan
- (ii) Berumur tidak melebihi 35 tahun pada 1 Januari 2023.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

- (i) Mempunyai keputusan akademik yang amat cemerlang di peringkat pengajian:
  - (a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Sarjana**; atau
  - (b) Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Ph.D**;
- (ii) Telah mendapat **tawaran tanpa syarat (*unconditional offer*) bagi pengajian secara sepenuh masa** pada tahun 2023 di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** masing-masing; atau

Telah **memulakan pengajian secara sepenuh masa** pada tahun 2023 di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** masing-masing;

- (iii) Pengajian bagi peringkat Sarjana adalah **secara mod penyelidikan sahaja** yang mewajibkan penyediaan kertas penyelidikan, disertasi atau tesis.
- (iv) Terlibat dalam **penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan<sup>1</sup>, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya iaitu:
  - (a) **Calon Sarjana:** Penglibatan calon secara aktif adalah satu kelebihan;
  - (b) **Calon Ph.D:** Penglibatan calon adalah **wajib** (calon tiada penglibatan dianggap tidak memenuhi syarat dan tidak akan disenarai pendek untuk temu duga).
- (v) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum/ aktiviti kemasyarakatan.

Nota : Selain daripada syarat-syarat di atas, pemohon dalam kalangan penjawat awam **masih tertakluk kepada syarat-syarat cuti belajar** yang berkaitan.

## 2.0 BIDANG PENGAJIAN YANG DITAJA

Bidang pengajian yang ditaja di bawah BYDPA adalah:

- (i) Sains dan Teknologi
- (ii) Ekonomi
- (iii) Undang-Undang
- (iv) Kewangan Islam

Sub-bidang pengajian bagi bidang-bidang di atas adalah seperti di **Lampiran 3**.

---

<sup>1</sup> Penulisan yang dimaksudkan penulisan berbentuk ilmiah seperti jurnal, buku, artikel dan sebagainya.

### 3.0 TATACARA PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://esilav2.jpa.gov.my> mulai **30 Januari 2023 sehingga 3 Mac 2023**. Ruangan perakuan Ketua Jabatan<sup>2</sup> di dalam borang permohonan perlu dilengkapkan oleh pemohon yang terdiri **daripada penjawat awam sahaja**.

Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dicetak, ditandatangani serta dikemukakan kepada pihak JPA bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- (i) **Salinan ijazah pertama** atau setaraf (skrol dan transkrip yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan bagi permohonan peringkat Sarjana dan Ph.D);
- (ii) **Salinan Ijazah Sarjana** atau setaraf (skrol dan transkrip yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan – bagi permohonan peringkat Ph.D);
- (iii) **Surat tawaran tanpa syarat (*unconditional offer*)** daripada universiti / institusi pengajian atau **slip/ pengesahan pendaftaran semester pertama** pengajian;
- (iv) **Salinan sijil, surat atau apa-apa pembuktian / pengesahan penglibatan dalam penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan untuk calon Sarjana (sekiranya ada) tetapi wajib untuk calon Ph.D.
- (v) **Salinan sijil, surat atau apa-apa pembuktian / pengesahan penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum / aktiviti kemasyarakatan** yang disahkan oleh pegawai berkeelayakan.
- (vi) **Kertas cadangan penyelidikan (*Research Proposal*)** dalam **Bahasa Malaysia / Bahasa Inggeris untuk pengajian dalam negara** atau **Bahasa Inggeris bagi pengajian di luar negara**. Panduan menulis kertas cadangan penyelidikan adalah seperti di **Lampiran 4**; dan

---

<sup>2</sup> Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetuai sesuatu bahagian di mana pegawai ditempatkan atau bahagian pengurusan sumber manusia di Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

- (vii) Borang **JPA(L)LDP1A/96** yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh pihak-pihak yang berkaitan – dokumen ini hanyalah untuk pemohon yang terdiri daripada **penjawat awam sahaja**.

Dokumen permohonan yang lengkap seperti di atas hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 10 Mac 2023 (Jumaat)** sama ada melalui serahan tangan atau melalui pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
**(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**

Nota : Dokumen permohonan yang lengkap daripada penjawat awam hendaklah dikemukakan oleh urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)<sup>3</sup> setelah diperakukan oleh PPSM masing-masing. Urus setia PPSM hendaklah mengemukakan pencalonan kepada pihak JPA **sebelum atau pada 10 Mac 2023**.

---

<sup>3</sup> PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama (PTD, PLV dan PPSi) yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

## LAMPIRAN 1

### SENARAI UNIVERSITI / INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA)TAHUN 2023

#### (A) Sains dan Teknologi / Ekonomi / Undang-Undang

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI / INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>
1.	Universiti Malaya (UM)
2.	Universiti Sains Malaysia (USM)
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4.	Universiti Putra Malaysia (UPM)
5.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

#### (B) Kewangan Islam

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI / INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>
1.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2.	International Centre For Education In Islamic Finance (INCEIF)
3.	Universiti Malaya (UM) – sekiranya berkaitan
4.	Universiti Sains Malaysia (USM) – sekiranya berkaitan
5.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – sekiranya berkaitan
6.	Universiti Putra Malaysia (UPM) – sekiranya berkaitan
7.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM) – sekiranya berkaitan

**SENARAI UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA  
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA)TAHUN 2023****(A) Sains dan Teknologi****(i) Sains Hayat**

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI</b>	<b>NEGARA</b>
1	California Institute of Technology	Amerika Syarikat
2	Columbia University	
3	Cornell University	
4	Harvard University	
5	Johns Hopkins University	
6	Massachusetts Institute of Technology	
7	Princeton University	
8	Stanford University	
9	The University of Chicago	
10	University of California, Berkeley	
11	University of California, Los Angeles	
12	University of California, San Diego	
13	University of California, San Francisco	
14	University of Chicago	
15	University of Oxford	
16	University of Pennsylvania	
17	University of Washington	
18	Yale University	
19	The University of Melbourne	Australia
20	The University of Sydney	
21	Wageningen University & Research	Belanda
22	Peking University	China
23	Tsinghua University	
24	University of Toronto	Kanada
25	Paris-Saclay University	Perancis
26	Karolinska Institutet	Sweden
27	ETH Zurich	Switzerland
28	Imperial College London	United Kingdom
29	King's College London	
30	University College London	
31	University of Cambridge	

(ii) **Sains Fizik**

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI</b>	<b>NEGARA</b>
1	California Institute of Technology	Amerika Syarikat
2	Columbia University	
3	Cornell University	
4	Harvard University	
5	Johns Hopkins University	
6	Massachusetts Institute of Technology	
7	Princeton University	
8	Stanford University	
9	The University of Chicago	
10	University of California, Berkeley	
11	University of California, Los Angeles	
12	University of California, San Francisco	
13	University of Chicago	
14	University of Pennsylvania	
15	University of Washington	
16	Yale University	
17	Peking University	China
18	Tsinghua University	
19	The University of Tokyo	Jepun
20	Paris-Saclay University	Perancis
21	PSL Research University Paris	
22	Sorbonne University	
23	Lomonosov Moscow State University	Rusia
24	Nanyang Technological University, Singapore	Singapura
25	National University of Singapore	
26	École Polytechnique Fédérale de Lausanne	Switzerland
27	ETH Zurich	
28	Imperial College London	United Kingdom
29	University College London	
30	University of Cambridge	
31	University of Oxford	



(iii) Kejuruteraan dan Teknologi

BIL.	UNIVERSITI	NEGARA
1	California Institute of Technology	Amerika Syarikat
2	Carnegie Mellon University	
3	Columbia University	
4	Cornell University	
5	Harvard University	
6	Johns Hopkins University	
7	Massachusetts Institute of Technology	
8	Princeton University	
9	Stanford University	
10	University of California, Berkeley	
11	University of California, Los Angeles	
12	University of California, San Francisco	
13	University of Chicago	
14	University of Illinois at Urbana-Champaign	
15	University of Michigan-Ann Arbor	
16	University of Pennsylvania	
17	University of Washington	
18	Yale University	
19	Delft University of Technology	Belanda
20	Peking University	China
21	Tsinghua University	
22	Georgia Institute of Technology	Georgia
23	Politecnico di Milano	Itali
24	The University of Tokyo	Jepun
25	Technical University of Munich	Jerman
26	Korea Advanced Institute of Science & Technology	Korea
27	Paris-Saclay University	Perancis
28	Nanyang Technological University, Singapore	Singapura
29	National University of Singapore	
30	École Polytechnique Fédérale de Lausanne	Switzerland
31	ETH Zurich	
32	Imperial College London	United Kingdom
33	University College London	
34	University of Cambridge	
35	University of Oxford	

**(B) Ekonomi**

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI</b>	<b>NEGARA</b>
1	California Institute of Technology	Amerika Syarikat
2	Columbia University	
3	Cornell University	
4	Duke University	
5	Harvard University	
6	Johns Hopkins University	
7	Massachusetts Institute of Technology	
8	New York University	
9	Northwestern University	
10	Princeton University	
11	Stanford University	
12	The University of Chicago	
13	University of California, Berkeley	
14	University of California, Los Angeles	
15	University of California, San Diego	
16	University of California, San Francisco	
17	University of Chicago	
18	University of Michigan-Ann Arbor	
19	University of Pennsylvania	
20	University of Washington	
21	Yale University	
22	Peking University	China
23	Tsinghua University	
24	University of Toronto	Kanada
25	Paris-Saclay University	Perancis
26	National University of Singapore	Singapura
27	ETH Zurich	Switzerland
28	The London School of Economics and Political Science	United Kingdom
29	University College London	
30	University of Cambridge	
31	University of Oxford	

(C) **Undang-Undang**

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI</b>	<b>NEGARA</b>
1	California Institute of Technology	Amerika Syarikat
2	Columbia University	
3	Cornell University	
4	Harvard University	
5	Johns Hopkins University	
6	Massachusetts Institute of Technology	
7	New York University	
8	Princeton University	
9	Stanford University	
10	The University of Chicago	
11	University of California, Berkeley	
12	University of California, Los Angeles	
13	University of California, San Francisco	
14	University of Chicago	
15	University of Pennsylvania	
16	University of Washington	
17	Yale University	
18	Australian National University	Australia
19	The University of Melbourne	
20	The University of New South Wales	
21	The University of Sydney	
22	University of Melbourne	
23	KU Leuven	Belgium
24	The University of Hong Kong	Hong Kong
25	McGill University	Kanada
26	University of Toronto	
27	Paris-Saclay University	Perancis
28	Université Paris 1 Panthéon-Sorbonne	
29	The University of Edinburgh	Scotland
30	National University of Singapore	Singapura
31	ETH Zurich	Switzerland
32	King's College London	United Kingdom
33	London School of Economics and Political Science	
34	The London School of Economics and Political Science	
35	University College London	
36	University of Cambridge	
37	University of Oxford	

**SENARAI BIDANG DAN SUB BIDANG PENGAJIAN  
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2023**

**A) Sains dan Teknologi**

**(i) Sains Hayat**

- Sains Tumbuhan
- Biofizik
- Biokimia
- Biologi
- Bioteknologi
- Ekologi, Evolusi dan Alam sekitar
- Entomology
- Farmakologi & Farmasi
- Fisiologi
- Genetic & Heredity
- Immunology
- Mycology
- Palaeontology
- Parasitology
- Pemakanan
- Perhutanan
- Perikanan
- Persekitaran
- Pertanian
- Sains Veterinar
- Toxicology
- Virology
- Zoology

**(ii) Sains Fizikal**

- Astronomi dan Astrofizik
- Crystallography
- Earth Science
- Fizik
- Kimia
- Matematik & Statistik
- Meteorologi dan Sains Atmosfera
- Nanoteknologi
- Sains Polimer

**(iii) Kejuruteraan Teknologi**

**Bioscience Technology**

- Gene Editing & Engineering
- Nanobiotechnology
- Molecular Omics Technology
- Bioinformatics & Biocomputing
- Advanced Biomaterials

**Neuro Technology**

- Neuromodulation & Neurostimulation
- Neuroprosthetics
- Brain Sensing Technology
- Neurorehabilitation Technology

- Synthetic Biology
- Biofactories
- Bioseparation & Biorefining Technologies
- Biosensor Technology
- Bioreactor and Separation Technologies
- Metadata Analytics
- Brain-Computer Interface Technology
- Neurodiagnostics
- Neuromorphic Computing
- Neuropharmacology
- Neuroinformatics
- Neurofeedback Systems
- Neuroergonomics
- Neuromarketing

### **Cybersecurity & Encryption**

- Network Security
- Cyber Forensics
- Cyber Risk Management
- Cryptography
- Cloud Security
- Mobile Application Security
- Cybercrime Legislation and Policy
- Ethical Hacking and Penetration Testing
- Security Audit & Vulnerability Assessment
- Secure Programming (Encryption)

### **Blockchain**

- Cryptography Technology
- Computer Network
- Distributed Ledger Technology
- Information Systems
- Blockchain Programming
- Computer Science
- Security Engineering
- Software Engineering
- Database Management
- Management, Economics/ Crypto-Economy and Finance
- Digital Identity Management
- Business Development
- Telecommunications

### **Augmented Analytics & Data Discovery**

- Machine Learning
- Predictive Analytics
- Text Mining
- Data Mining
- Business Intelligence
- Natural Language Generation
- Data Management
- Data Science
- Cloud Computing

### **Advanced Materials**

- Nanoengineered Materials/ Nanotechnology
- Derivative Materials
- Biomaterials Engineering
- Materials Science
- Fabrication & Integration Engineering
- Functional/ Smart Materials
- Metamaterials
- Organic, Green & Renewable Materials
- Multi-Materials Structures
- Polymer Science
- Biomedical Materials
- Printing & Flexible Electronics

- Catalysts

### **Sensor Technology**

- Micro-Electro-Mechanical Systems (MEMS)
- Piezoceramics
- Wearable Biosensors
- Electrochemical Sensors
- Microelectronics
- Nanosensors
- Smart Dust Sensor Network
- Soft Sensor
- Electro-Optical and Chemical Sensors
- Monitoring and Control Systems
- Printed Sensor System

### **Artificial Intelligent Systems**

- Machine Learning
- Neural Network
- Robotics
- Deep Learning
- Computer Vision
- Natural Language Processing (NLP)
- Knowledge Graphs
- Generative Adversarial Networks (GAN)
- Cloud Computing
- Advanced Control Systems

### **4D/5D Printing**

- Materials Science
- Advanced Design
- Software Engineering
- Advanced Materials
- Electronic & Controls
- Robotic & Mechatronic
- Precise Engineering
- Additive Manufacturing
- Computational Modelling
- Digital Photography
- Printing Materials
- Printing & Flexible Electronics
- Construction & Automobile Components

### **5G/6G**

- Machine Type Communication/ IoT Communications
- Medium Access Control
- Interference Management
- New Waveform Design and GHz/THz
- Massive MIMO Technology and Intelligent
- Terrestrial and Satellite Integrated Network
- AR/VR/XR and Internet Of Senses Over 5G/6G
- Crowdsourcing Applications
- Electromagnetic Fields Effect (EMF) On Humans
- Quality Of Experience (QOE)
- Smart Metasurfaces
- Autonomous Mobility
- Intelligent Edge

## **B) Ekonomi**

- Ekonometrik
- Sejarah Ekonomi
- Ekonomi
- Ekonomi Politik

## **C) Undang-Undang**

- Undang-undang Perbankan
- Undang-undang Komersial
- Pengajian Undang-undang Jenayah
- Undang-undang Persaingan
- Sejarah Perundangan
- Undang-undang Adat
- Undang-undang Perdagangan Antarabangsa
- Perundangan
- Undang-undang Perburuhan
- Amalan Perundangan
- Amalan Notari
- Pengajian Paralegal
- Undang-undang Syariah
- Undang-undang Percukaian

## **D) Kewangan Islam**

- Perbankan dan Kewangan Islam
- Perdagangan Islam
- Mu'amalat
- Takaful

**PANDUAN MENULIS KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN  
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2023**

- (i) Pemohon dikehendaki menyediakan dan mengemukakan kertas cadangan penyelidikan tidak kurang daripada 10 muka surat (Ph.D) dan 5 muka surat (Sarjana). Kertas cadangan penyelidikan hendaklah disediakan dalam Bahasa Inggeris (pengajian di Luar Negara) dan Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris (pengajian di Dalam Negara).
- (ii) Kandungan kertas cadangan penyelidikan hendaklah disediakan mengikut format seperti berikut:
  - (a) Nama, No. Kad Pengenalan dan Bidang Penyelidikan (Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat);
  - (b) Latar belakang atau kajian perpustakaan ringkas mengenai bidang kajian;
  - (c) Objektif kajian / Pernyataan masalah;
  - (d) Skop kajian / Rangka kajian;
  - (e) Metodologi kajian
  - (f) Carta Perbatuan / Perancangan Jadual Penyelidikan;
  - (g) Kepentingan / Outcome / Impak / Sumbangan kajian.
    - Jelaskan dengan terperinci impak kajian dan manfaat yang boleh diperolehi sama ada secara langsung atau tidak langsung serta sumbangan kepada pembangunan negara dan masyarakat;
    - Aspek ini perlu diberi penekanan dan tumpuan yang lebih oleh calon semasa sesi temu duga.
  - (h) Bibliografi ringkas.